

Beli baja di Zoo Negara

KUALA LUMPUR - Hasil Zoo Negara kini tidak lagi bergantung semata-mata kepada kutipan tiket atau tajaan, malah najis yang terhasil daripada pelbagai haiwan di situ kini turut membantu memenuhi 'kantung' zoo berkenaan.

Itulah yang dilakukan oleh pengurusan Zoo Negara apabila semua najis binatang di zoo berkenaan dikitar semula untuk dijadikan baja kompos melalui jenama Sao Sui untuk dijual kepada orang ramai.

Pada masa ini mereka yang berminat mendapatkan baja itu boleh berkunjung ke Zoo Negara setiap Sabtu dan Ahad.

Ia dijual RM10 bagi pek 400 gram manakala RM30

untuk 1.5 kilogram.

Pengarah Zoo Negara, Dr. Mohamad Ngah berkata, baja yang diiktiraf MARDI itu mengandungi 100 peratus najis binatang bagi penggalakan tumbuhan, bebas kimia dan tidak memberikan kesan sampingan kepada pengguna.

Tambahnya, hasil jualan baja itu akan digunakan untuk perbelanjaan pengurusan zoo seperti pembelian makanan haiwan dan ubat-ubatan.

Seramai 14 kanak-kanak dari Subang Jaya dan Damansara bersama ibu bapa mereka menjadi sukarelawan menjual baja organik itu bagi mendapatkan kutipan derma di Zoo Negara semalam.



PENGUNJUNG membelek pek baja kompos yang dijual oleh sukarelawan di Zoo Negara semalam.